

**Tajuk:** Ucapan Y.B. Menteri Kewangan  
**Tarikh:** 22 November, 1984  
**Tempat:** Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja Malaysia  
**Penceramah:** YAB Tun Daim Zainuddin

Assalamualaikum,

Lawatan ini adalah yang pertama bagi saya ke Jabatan Kastam Dan Eksais Di Raja, walaupun saya telah mengambil alih jawatan Menteri Kewangan lebih kurang 4 bulan yang lalu. Sehingga ini saya hanya telah berpeluang untuk bertemu dengan beberapa orang sahaja daripada kalangan tuan-tuan dan puan-puan, iaitu semasa menjalankan tugas harian.

Di samping mengetahui dengan lebih dekat peranan Jabatan Kastam, tujuan utama lawatan saya ini ialah untuk membangkitkan beberapa perkara dengan tuan-tuan dan puan-puan berkaitan dengan tugas, tanggungjawab dan peranan Jabatan ini. Memandangkan pertemuan ini adalah pertemuan yang tertutup, saya akan berterus terang, supaya tuan-tuan dan puan-puan memahami sepenuhnya apa yang hendak disampaikan.

Kita semua maklum bahawa peranan yang dimainkan oleh Jabatan Kastam Dan Eksais Di raja adalah sangat penting kepada negara. Melalui Pejabat inilah sebahagian besar hasil negara diperolehi. Fungsi memungut hasil ini merupakan fungsi yang tradisional bagi Jabatan Kastam.

Tetapi kita patut sedar bahawa pada masa ini tanggungjawab Jabatan Kastam bukanlah tertumpu kepada memungut hasil sahaja. Matlamat negara pada masa ini ialah untuk mencapai kemajuan setinggi yang boleh dalam semua bidang, dan kita sedang giat berusaha untuk mencapai matlamat itu. Ini memerlukan semua pihak yang terlibat untuk mengkaji semula peranan masing-masing supaya bersesuaian dengan kehendak itu. Dengan itu, pada masa ini Jabatan Kastam Dan Eksais Di Raja sepatutnya ialah mula memikirkan cara-cara bagi menyesuaikan peranannya selaras dengan matlamat kita untuk mencapai kemajuan.

Pada pandangan saya, peranan Jabatan Kastam adalah berkaitan secara langsung dengan aktiviti-aktiviti perindustrian dan perdagangan negara. Tindak-tanduk tuan-tuan dan puan-puan merupakan satu faktor utama yang boleh menolong perkembangan bidang-bidang tersebut. Sebaliknya pula, sekiranya tuan-tuan dan puan-puan mengambil sikap yang sempit dan negatif, maka tindakan itu akan menjadi penghalang kepada kemajuan kita.

Dengan ini tuan-tuan dan puan-puan harus sedar bahawa amanah serta tanggungjawab yang dipikul adalah besar.

Kerajaan dan rakyat memberi kepercayaan mereka kepada tuan-tuan dan puan-puan. Kita telah berulangkali mendengar Y.A.B. Perdana Menteri sendiri menegaskan perkara ini dengan meminta kakitangan Kerajaan mengubah sikap mereka serta meningkatkan daya pengeluaran. Sebagai Menteri yang bertanggungjawab ke atas Jabatan ini, saya berharap harapan Y.A.B. Perdana Menteri tidak akan dikecewakan.

Saya memang sedar bahawa selama ini sebahagian daripada tuan-tuan dan puan-puan

menjalankan tugas secara ikhlas dan dedikasi. Usaha mereka-mereka ini adalah dihargai. Tetapi secara keseluruhannya saya masih tidak berpuashati dengan prestasi Jabatan ini. Saya amat berduakacita untuk memaklumkan bahawa sejak mengambil alih Kementerian ini, saya dapat banyak perkara-perkara berkaitan dengan Jabatan ini yang tidak memuaskan.

Dari apa yang saya perhatikan, selama ini berbagai-bagai aduan, tuduhan dan komen telah dibuat oleh pihak awam terhadap Jabatan Kastam Dan Eksais Di Raja, dan ini semakin bertambah dari semasa ke semasa. Mungkin bukan semua aduan dan komen ini benar, tetapi secara amnya ia menunjukkan memang ada kelemahan-kelemahan yang ketara pada Jabatan ini. Saya jangka, tuan-tuan dan puan-puan semua sedar bahawa imej Jabatan Kastam Dan Eksais Di Raja dikalangan orang ramai tidaklah begitu memuaskan.

Saya yakin bahawa setengah dari tuduhan-tuduhan dan aduan-aduan ini memang ada mempunyai asas. Tetapi malangnya saya dapat bahawa aduan-aduan orang ramai selalu tidak begitu diambil berat. Seringkali aduan-aduan ini tidak diterima secara terbuka dengan tujuan untuk membentul kelemahan-kelemahan yang ada, tetapi sebaliknya pendirian yang ditunjuk oleh Jabatan ini ialah sikap ‘defensive’ terhadap komen-komen yang diterima. Sikap ini perlu diubah. Adalah lebih baik, jika tuan-tuan dan puan-puan mengakui kelemahan yang ada dan berusaha untuk mengambil langkah bagi mengatasinya.

Tuan –tuan dan puan-puan,

Saya mahu supaya pegawai-pegawai Kastam mengambil sikap positif serta mengamalkan ‘sense of urgency’ dalam menjalankan tugas. Tetapi melalui pengalaman saya selama ini, saya dapat bahawa tuan-tuan dan puan-puan tidak menitikberatkan perkara tersebut. Seringkali saya menerima aduan-aduan tentang kelambatan pegawai-pegawai kastam mengambil tindakan. Saya sendiri telah juga menyaksikan kelemahan ini, dimana banyak kes-kes rayuan yang dikemukakan oleh pihak awam kepada saya tidak dapat saya putuskan dengan segera kerana kelambatan pihak Kastam mengambil tindakan. Ini semua menunjukkan bahawa tahap kecekapan di Jabatan ini perlu diperbaikti. Kelemahan ini mestilah tuan-tuan dan puan-puan atasi. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan lebih cekap dalam menjalankan tugas harian serta mempunyai ‘sense of urgency’ terhadap tugas dan tanggungjawab.

Selain dari itu, tuan-tuan dan puan-puan juga perlu mengambil sikap yang terbuka dalam menjalankan tugas. Apabila berurusan dengan pihak awam, tuan-tuan dan puan-puan hendaklah berpendirian untuk menolong mereka dan bukan untuk mencari kesalahan. Sikap yang sempit yang menyusahkan rakyat hendaklah dikikis. Dalam hal ini saya suka membangkitkan perkara yang khusus berkaitan dengan peranan yang dimainkan oleh pihak Pencegah Jabatan ini. Saya dapat bahawa banyak daripada tindakan-tindakan Pencegah yang telah diambil adalah tidak munasabah dan tidak bertimbangrasa. Sebagai contoh ialah tindakan-tindakan untuk menuntut cukai kebelakangan ke atas pengimpor-pengimpor oleh sebab salah penetapan kod tarif, yang mana anggap tidak adil. Sebagaimana maklum, penetapan kod tarif adalah tanggungjawab pihak kastam sendiri, dan dengan itu kesilapan berkaitan dengannya bukanlah kesalahan pengimpor-pengimpor.

Sebaliknya perkara ini berbangkit oleh sebab ketidakcekan pegawai Kastam sendiri menjalankan tanggungjawab mereka. Menuntut cukai kebelakangan dalam hal-hal ini hanya

merupakan usaha pihak Kastam untuk menutup kelemahan sendiri. Tindakan-tindakan seperti ini adalah penganiayaan dan menimbulkan banyak masalah serta kesusahan kepada orang ramai.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya tidak mahu lagi tuan-tuan dan puan-puan bersikap ‘defensive’. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan berusaha sedaya upaya bagi mengatasi kelemahan-kelemahan ini dengan mengambil sikap yang positif, meningkatkan kecekapan dan berusaha dengan lebih giat lagi.

Saya juga suka mengambil peluang ini untuk menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan terhadap satu perkara khusus, iaitu tuduhan rasuah yang berleluasa, yang selama ini dilempar kepada pegawai-pegawai Kastam. Tidak ada keraguan tentang kebenaran tuduhan ini. Tuduhan ini merupakan perkara utama yang mencemar maruah Jabatan Kastam. Tetapi saya berasa kesal bahawa di pucuk pimpinan Jabatan ini, tidak ada usaha yang bersungguh-sungguh telah diambil untuk membentras gejala yang buruk ini. Pada pandangan saya setakat mengadakan slogan, seruan dan rayuan adalah tidak mencukupi. Saya mahu tindakan yang lebih positif diambil, yang boleh mendatangkan kesan dan mengubah tanggapan orang awam terhadap Jabatan Kastam.

Satu lagi perkara yang saya beri perhatian berat ialah kekurangan disiplin dan dedikasi terhadap tanggungjawab. Saya dapati bahawa tedapat banyak kegelisahan dikalangan pegawai-pegawai Kastam. Sering diperhatikan bahawa tuduhan-tuduhan disuarakan oleh pegawai-pegawai Kastam sendiri di dalam akhbar terhadap Jabatan ini. Perkara-perkara seperti hanya memberi gambaran kepada orang ramai seolah-olah tidak ada peraturan dan disiplin dalam Jabatan Kastam Dan Eksais Di Raja. Dalam hal ini, saya kira pimpinan Jabatan ini telah nyata gagal untuk mengawal serta memberi kepimpinan yang sewajarnya kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan. Pegawai-pegawai atasan hendaklah terlebih dahulu mengubah sikap mereka dan menunjukkan lebih dedikasi supaya boleh dijadikan teladan kepada pihak-pihak bawahan.

Selain dari itu saya juga berharap supaya sistem kerja yang tidak sesuai dikaji semula. Di sini suka saya mencadangkan kepada pucuk pimpinan Jabatan ini supaya Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Latihan yang telah ditubuhkan di Jabatan ini mengkaji peraturan-peraturan pelaksanaan dan mengemukakan cadangan-cadangan bagi mengatasi kelemahan atau kekurangan yang didapati sekarang. Saya juga mahu Jabatan ini memainkan peranan yang lebih penting dalam penyediaan belanjawan tahunan pada tahun-tahun hadapan, dengan mengemukakan cadangan-cadangan cukai di perpendaharaan. Dengan ini Bahagian Penyelidikan Perancangan dan Latihan perlulah memberi tekanan yang lebih kepada peranan penyelidikan agar cadangan-cadangan yang lebih baik boleh dikemukakan. Bagi pihak saya, saya akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada tuan-tuan dan puan-puan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Suka saya menegaskan bahawa sebagai Menteri yang bertanggungjawab ke atas Jabatan ini, saya adalah juga bertanggungjawab terhadap kejayaan atau kegalangannya. Dengan itu

saya memberi ingatan bahawa saya tidak akan bertolak ansur dalam memastikan bahawa perkara-perkara yang saya bangkitkan akan diberikan perhatian yang serius oleh semua pihak.

Dalam masa 1 bulan dari sekarang, saya berharap Jabatan ini akan mengemukakan kepada saya laporan tentang tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengatasi kelemahan-kelemahannya, serta cadangan-cadangan lain yang hendak dilaksanakan bagi maksud tersebut.

Sekian, saya berharap tuan-tuan dan puan-puan menerima teguran dan pandangan saya ini dengan hati yang terbuka. Ini merupakan pandangan ikhlas dari saya dan dibuat dengan harapan kita semua dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat dan negara.